

KENYATAAN MEDIA

PENGUMUMAN MENGENAI KENAIKAN HARGA RUNCIT PRODUK PETROLEUM PADA 28 FEBRUARI 2006

1. Dalam usaha Kerajaan untuk menangani impak kenaikan harga minyak mentah di pasaran dunia serta membendung pertambahan subsidi yang perlu ditanggung, **Kerajaan memutuskan untuk menaikkan harga runcit petrol dan diesel sebanyak 30 sen seliter serta harga runcit LPG sebanyak 30 sen sekilogram berkuatkuasa pada 28 Februari 2006.**
2. **Kerajaan memberi jaminan bahawa harga runcit barangan petroleum ini tidak akan dinaikkan lagi pada tahun ini.** Kali terakhir Kerajaan menaikkan harga runcit barangan petroleum ini adalah pada 31 Julai 2005 iaitu petrol sebanyak 10 sen seliter, diesel sebanyak 20 sen seliter dan LPG sebanyak 5 sen sekilogram.
3. Jadual di bawah menunjukkan perbandingan harga barangan produk petroleum tersebut bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak:

	Harga 1 Februari 2006 (sen/liter)	Harga 28 Februari 2006 (sen/liter)	Kenaikan (sen/liter)
Semenanjung			
Petrol RON 97	162.0	192.0	+ 30
Petrol RON 92	158.0	188.0	+ 30
Diesel	128.1	158.1	+ 30
LPG	145.0	175.0	+ 30
Sabah			
Petrol RON 97	160.0	190.0	+ 30
Petrol RON 92	158.0	188.0	+ 30
Diesel	128.4	158.4	+ 30
LPG	153.0	183.0	+ 30
Sarawak			
Petrol RON 97	161.0	191.0	+ 30
Petrol RON 92	158.0	188.0	+ 30
Diesel	127.8	157.8	+ 30
LPG	153.0	183.0	+ 30

4. Harga runcit barangan petroleum ini dinaikkan kerana pada tahun **2005** jumlah **subsidi** yang ditanggung oleh Kerajaan adalah sebanyak **RM 7.41 bilion**. Manakala **pegecualian cukai** pula berjumlah **RM 7.85 bilion**. **Beban tanggungan subsidi dan pegecualian cukai** bagi tempoh **Januari hingga Februari 2006** adalah sebanyak **RM 1.19 bilion** dan **RM 1.44 bilion** masing-masing.
5. Tanpa subsidi dan pegecualian cukai oleh Kerajaan, harga runcit produk-produk tersebut dalam **bulan Mac 2006 sepatutnya** adalah seperti berikut:

	<u>RON97</u> (RM/liter)	<u>RON92</u> (RM/liter)	<u>DIESEL</u> (RM/litre)	<u>LPG</u> (RM/kg)
Semenanjung	2.46	2.37	1.98	3.21
Sabah	2.45	2.37	1.97	3.35
Sarawak	2.45	2.36	1.97	3.34

6. Walaupun Kerajaan menaikkan harga barangan petrol, diesel dan LPG, didapati harga petrol dan diesel di Malaysia masih lagi murah berbanding dengan kebanyakan harga barangan tersebut di Negara-negara Asean kecuali Brunei Darussalam. Harga barangan petroleum di beberapa negara Asean dan beberapa negara lain pada ketika ini adalah seperti berikut:

	<u>RON97</u> (RM/liter)	<u>RON92</u> (RM/liter)	<u>Diesel</u> (RM/liter)	<u>LPG</u> (RM/kg.)
Malaysia	1.92	1.88	1.581	1.75
Thailand	2.52	2.45	2.28	1.65
Filipina	2.21	2.20	1.95	4.90
Singapura	4.15	3.89	2.39	5.32
Brunei	1.22	1.19	0.71	1.40
Indonesia	2.30	2.20	1.68	1.89

7. Selain daripada itu, Kerajaan turut memperkenalkan **SISTEM PEMBERIAN DIESEL BERSUBSIDI** kepada **84% kenderaan yang menggunakan diesel dalam sektor pengangkutan darat yang terdiri daripada pengusaha pengangkutan awam dan perkhidmatan barangan pengguna melalui penggunaan *fleetcard***. Melalui penggunaan *FLEETCARD* ini, mereka boleh membeli diesel bersubsidi di stesen minyak dengan harga 15 sen lebih rendah daripada harga yang ditetapkan. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telahpun mengeluarkan surat memaklumkan perkara ini kepada pengusaha-pengusaha yang layak.

PENUTUP

8. Penjimatan kewangan yang dibuat melalui kenaikan harga barangan petroleum pada kali ini akan digunakan untuk membiayai projek-projek pembangunan dan mempertingkatkan sistem pengangkutan awam demi kepentingan rakyat keseluruhannya.

**Pejabat Perdana Menteri
Bangunan Perdana Putra
PUTRAJAYA**

27 Februari 2006